

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

ZGT 379/3 - Oseanografi Geologi

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Jelaskan secara terperinci kaedah analisis saiz sedimen, bermula dari pengambilan sampel hingga kepada penentuan parameter-parameter tekstur sedimen. (100/100)

2. (a) Terangkan secara ringkas maksud
 - (i) lapisan sempadan
 - (ii) kelikatan molekul
 - (iii) sublapisan likat
 - (iv) halaju ricih
 - (v) panjang kekasaran(50/100)

- (b) Jelaskan ciri-ciri dan proses-proses geologi Laut Merah. (50/100)

3. (a) Jelaskan jenis-jenis pengaliran graviti sedimen. (30/100)

- (b) Bincangkan pengaruh organisma ke atas proses pengendapan sedimen. (30/100)

... 2/-

- (c) Jelaskan maksud
- (i) ritmit
 - (ii) penstrataan-silang menyatah
 - (iii) penstrataan-silang palung
 - (iv) perlapisan flaser dan kekanta
 - (v) perlapisan tergrad.
- (40/100)
4. (a) Bincangkan mengenai objektif, teknik-teknik yang digunakan dan hasil projek FAMOUS.
- (40/100)
- (b) Jelaskan dua bukti yang menunjukkan bahawa ruang magma adalah terputus-putus.
- (30/100)
- (c) Terangkan satu model yang mungkin bagi pertumbuhan lithosfera.
- (30/100)
5. (a) Berikan penjelasan mengenai hipotesis titik-sifar bagi menjelaskan profil pantai.
- (40/100)
- (b) Jelaskan maksud
- (i) caruk paya (marsh creeks)
 - (ii) kematu garam (salt pans)
 - (iii) settling lag.
- (30/100)
- (c) Terangkan ciri-ciri bagi
- (i) muara baji garam
 - (ii) muara tercampur separa
 - (iii) muara tercampur penuh.
- (30/100)